



UPM Himpun Pelajar Landskap Negara



Prof. Dr. Mohd Fauzi (kiri) terima cenderamata kenangan daripada Dekan FRSB, Prof. Madya Dr. Osman Mohd. Tahir (kanan).

SERDANG, 13 Disember – Assembly Architecture Students Malaysia (ALAM) 2010 berjaya menghimpun pelajar dari jurusan landskap seluruh institusi pengajian tinggi awam (IPTA) oleh Fakulti Rekabentuk dan Senibina (FRSB) Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk berkongsi isu dan kreativiti seni bina landskap.

Program selama lima hari yang dihadiri oleh 180 peserta itu mengadakan aktiviti seperti forum seni bina, landskap bengkel, persembahan malam kebudayaan, tree planting dan explore race.

ALAM dinaungi oleh Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM) mengadakan beberapa forum senibina iaitu Here In My Home, Burn The Kitchen, Through My Window, I Can See..., dan There Is No Place Like Home.



ALAM menghimpunkan pelajar-pelajar dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) cawangan Shah Alam, UiTM Seri Iskandar Perak, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai Johor, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kolej Komuniti Selandar Melaka dan Kolej Komuniti Masjid Tanah Melaka.

Majlis di Panggung Percubaan UPM yang dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Prof. Dr. Mohd Fauzi Ramlan itu bertemakan 'there is no place like home' iaitu untuk menghayati peranan mereka sebagai khalifah yang menjaga alam sekitar serta tidak melakukan pencemaran di muka bumi.



Berita ditulis oleh Seksyen Media Bahagian Komunikasi Korporat (Mohd Faisal Md Noor 03-89467467), Gambar disumbangkan oleh Unit Foto BKK 03-89466199).

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia